



# Majlis Konvokesyen PSA

Dua ikon media diberi penghormatan sampaikan sijil

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Shah Alam menganjurkan Majlis Konvokesyen kali ke-19, pada 30 September lalu bertempat di Dewan Serbaguna, PSA.

Konvokesyen menyaksikan, PSA melahirkan seramai 994 graduan terdiri daripada lulusan ijazah, diploma, diploma lanjutan dan sijil yang terdiri daripada 255 graduan dari Jabatan Kejuruteraan Awam, 243 graduan dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik, 185 graduan dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan 311 graduan dari Jabatan Perdagangan.

Konvokesyen kali ini melibatkan dua program ijazah, satu Diploma Lanjutan, 12 program peringkat diploma dan satu program peringkat sijil selain penyampaian Anugerah Kecemerlangan Akademik dan Kokurikulum Jabatan, Anugerah Pengarah Politeknik dan Anugerah Projek Terbaik.

Lebih menarik pada edisi kali ini, PSA telah memberi penghormatan kepada dua ikon



Hussamuddin ketika menyampaikan sijil kepada salah seorang graduan.



Acara berlangsung penuh adat istiadat konvokesyen.

media untuk menyampaikan sijil kepada para graduan iaitu Pengarah Bahagian Hubungan Industri dan Kebolehpasaran, Jabatan Pendidikan Politeknik, Tung Chee Kuan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Kumpulan Media Karangkraf Sdn Bhd, Datuk (Dr) Hussamuddin Yaacob.

Chee Kuan ketika berucap pada Sidang 1 menyifatkan graduan dihasilkan PSA sangat ditunggu-tunggu oleh pasaran kerja dalam dan luar negara.

Beliau mengingatkan, bagaimanapun golongan itu seharusnya mempertingkatkan kualiti diri selaras keperluan industri bukan sahaja dari segi kemahiran

teknikal, malah kekuatan kemahiran generik seperti etika kerja positif, kemahiran berkomunikasi, kerja secara berpasukan dan kebolehan membuat keputusan bijak.

"Selaras hasrat kerajaan - mengurusperdanakan dan memperluaskan akses kepada Pendidikan dan Latihan Teknikal & Vokasional (Tvet) yang berkualiti, saya melihat pihak industri sentiasa memberi kerjasama dengan politeknik dalam usaha untuk melahirkan modal insan kelas pertama.

"Komitmen pihak industri sangat bermanfaat agar keperluannya dapat dipenuhi melalui graduan dihasilkan dan tidak berlaku *miss match* antara program akademik dan graduan dengan keperluan industri. Malah institusi mampu menyediakan graduan *job-ready* untuk guna tenaga negara," katanya.

## Kecemerlangan inovasi

Sementara itu, dalam teks ucapan penutup, Pengarah PSA, Kol Bersekutu (PA) Tajuddin Abdul Rashid berkata, tema bagi Majlis Konvokesyen PSA tahun ini adalah 'Inovasi Pemangkin Pembangunan' yang diinspirasi daripada kecemerlangan inovasi PSA.

Menurutnya,

secara keseluruhannya, PSA telah memenangi 27 pingat emas, 22 pingat perak dan 14 pingat gangsa dalam pelbagai pertandingan inovasi peringkat kebangsaan dan antarabangsa sepanjang tahun 2017 ini.

Antaranya adalah *International Eureka Innovation Exhibition, International Innovation, Design and Articulation (I-IDEA), National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (ICompEx, Anugerah Harta Intelekt Negara* serta banyak lagi pertandingan.

"Selain itu, PSA juga berjaya memperoleh *endowment* berjumlah RM9,500 hasil pertandingan-pertandingan disertai.

"Tahniah atas kejayaan dirangkul sepanjang tahun ini dalam semua bidang kepakaran masing-masing. Semoga kejayaan demi kejayaan PSA dalam semua bidang dapat dikecapi," katanya.

PSA berjaya melahirkan seramai 35,450 graduan semenjak penubuhan PSA pada tahun 1997 sehingga 2016, dengan berjaya mencapai Peratus Kebolehpasaran Graduan (GE) sebanyak 95 peratus.

Selain penuntut dan ibu bapa yang hadir ke konvokesyen kali ini, majlis turut diserikan dengan kehadiran pihak industri dan agensi-agensi kerajaan yang lain.



Graduan tekun mendengar amanat dalam ucapan disampaikan.



Hussamuddin (tengah) bersama kepimpinan PSA.

## Info

### ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK & KOKURIKULUM (JABATAN)

#### Sesi Disember 2015

- Jabatan Kejuruteraan Elektrik - Muhammad Rashidi Saidin
- Jabatan Kejuruteraan Mekanikal - Te Ke Jie
- Jabatan Perdagangan - Muhammad Fakhruddin Nor Azmin

#### Sesi Jun 2016

- Jabatan Kejuruteraan Awam - Fatin Fadzeen Jasman
- Jabatan Kejuruteraan Mekanikal - Muhammad Hanafi Zakaria
- Jabatan Perdagangan - Fatim Nabila Kamanor Izam

### ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK & KOKURIKULUM (POLITEKNIK) @ ANUGERAH PENGARAH POLITEKNIK

#### Ijazah Sarjana Muda

- Sesi Mac 2015 - Zarna Nurhaidi Abd Majid
- Sesi September 2016 - Siti Saleha Hassan

#### Diploma

- Sesi Disember 2015 - Diploma (Sepenuh Masa) - Muhammad Rashidi Saidin
- Kursus Secara Sambilan - Mohd Khaleel Md Shaharil

#### Sesi Jun 2016

- Diploma (Sepenuh Masa) - Muhammad Hanafi Zakaria
- Kursus Secara Sambilan - Ibrahim Mohd Gaus

### ANUGERAH PROJEK TERBAIK

#### Sesi Disember 2015

- Jabatan Kejuruteraan Awam - Mini Core Retrieval
- Penyelia: Norliza Md Jahid & Maswira Mahasan
- 1. Muhd Zaki Zakaria
- 2. Norhaniza Saarani
- 3. Zafly Noor Amylia Suhaimi
- 4. Nur Amalina Athirah Kaharuddin

#### Sesi Jun 2016

- Jabatan Kejuruteraan Mekanikal - Char Kuey Teow Sauce Mixer
- Penyelia: Dr Mohd Elias Daud
- 1. Azmi Mohd Arifin
- 2. Nurmadia Nabilla Selamat
- 3. Mohd Khairil Izzam Ishak